



# Canselor KUKUM

*My KUKUM: Apa lagi nasihat Tuanku?*

**SELEPAS** empat tahun menanti, detik gembira yang ditunggu-tunggu akhirnya menjelma jua. Selepas lelah melepaskan upaya, Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM), Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang ke-17, melahirkan bakal graduan sulung pada 22 Julai ini. Sempena istiadat konvokesyen yang penuh bermakna, Timbalan Ketua Editor My KUKUM, Cik Hanum Hassan telah mewawancara DYMM Pemangku Raja Perlis yang juga Tuanku Canselor KUKUM, di Bilik Canselor di Jejawi dan Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim pada dua majlis yang berasingan. Dalam wawancara itu, Tuanku Canselor dan Menteri Besar Perlis telah meluahkan keyakinan tinggi terhadap bakal graduan pertama.

*My KUKUM: Selepas empat tahun menunggu, KUKUM akhirnya akan mengadakan istiadat konvokesyen pertama pada 22 Julai ini. Apakah perasaan Tuanku sekarang?*

**Tuanku Canselor:** Saya berasa sangat gembira kerana kita bermula sebagai sebuah KU (Kolej Universiti) yang serba kekurangan. Maklumlah, kita ditubuhkan pada saat ekonomi negara secara amnya sedang pulih daripada kemelesetan ekonomi. Bagaimanapun di sebalik rintangan itu, Kerajaan Malaysia bersungguh-sungguh untuk memastikan pembinaan Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia terlaksana. Oleh sebab itu, selepas empat tahun bekerja keras, maka saya berasa sangat bangga kerana kita akhirnya berjaya melahirkan graduan sulung pada 22 Julai ini.

*My KUKUM: Justeru, apakah nasihat Tuanku kepada semua bakal graduan?*

**Tuanku Canselor:** Memanglah menjadi hasrat kepada semua bakal graduan untuk mencari pekerjaan dalam tempoh yang secepat mungkin selepas menamatkan pengajian. Bagaimanapun, saya ingin menasihatkan kepada semua bakal graduan supaya jangan terburu-buru. Hanya kerana tidak mahu digelar penganggur, mereka sanggup terima apa saja pekerjaan. Asalkan dapat pekerjaan. Memang benar, lebih cepat dapat pekerjaan, lebih bagus. Bagaimanapun, pilihlah pekerjaan yang bagus dan benar-benar akan memberikan pulangan yang setimpal kepada mereka baik jangka pendek maupun jangka panjang. Juga jadilah, seorang lulusan KUKUM yang cemerlang dan dikenali oleh semua pihak.

*My KUKUM: Apa lagi nasihat Tuanku?*

**Tuanku Canselor:** Kalau boleh saya mahu melihat semua bakal graduan supaya menjaga nama baik KUKUM. Biarpun sudah menamatkan pengajian, itu bukan bermakna mereka tiada lagi ikatan dengan KUKUM. Mereka perlu terus berhubung dengan KUKUM. Dalam konteks ini, saya mahu pengurusan KUKUM menjaga dan menangani urusan alumni dengan baik. Saya mahu graduan terus berhubungan biarpun sudah menamatkan pengajian di KUKUM.

*My KUKUM: Dalam tempoh 10 atau 20 tahun lagi, bagaimanakah Tuanku melihat KUKUM? Adakah KUKUM boleh menjadi sebuah universiti bertaraf dunia?*

**Tuanku Canselor:** Cukup sukar untuk saya menjawab soalan ini. Masalahnya, kita baru nak bermula. Masih ada banyak perkara yang perlu dilakukan oleh semua. Saya tak dapat hendak membayangkan apa atau bagaimanakah rupa bentuk atau pencapaian KUKUM dalam tempoh 10 tahun akan datang. Bagaimanapun, matlamat kita di KUKUM tetap sama. Kita mahu melihat KUKUM menjadi sebuah universiti yang bertaraf dunia.

*My KUKUM: Tuanku, kalaularah kita ingin mencari kelemahan ketara KUKUM pada masa ini, apakah kelemahan itu?*

**Tuanku Canselor:** Saya fikir kelemahan KUKUM yang paling besar ketika ini ialah KUKUM tidak mempunyai satu kampus induk seperti universiti-universiti besar lain di Malaysia. Sebenarnya kita perlu mempunyai sebuah rumah yang boleh kita bangga-banggakan. Kalau kita mempunyai kampus induk, saya percaya KUKUM akan bergerak ke arah status sebuah universiti bertaraf dunia dengan lebih cepat dan efisien. Bagaimanapun, senario yang ada sekarang pun amat unik. Saya fikir tidak banyak universiti macam KUKUM yang menggunakan konsep 'distributed campus' di dunia. KUKUM ada di mana-mana di seluruh negeri Perlis. Perkara ini sangat unik. Saya bangga dengan perkara ini. Bagaimanapun, kita bakal mempunyai sebuah kampus induk tidak lama lagi. Ia sedang dalam pembinaan. Saya harap semua pihak bersabar.

*My KUKUM: Akhir kata, apakah amanat terakhir Tuanku kepada bakal graduan sulung KUKUM?*

**Tuanku Canselor:** Saya ingin mengucapkan tahniah dan selamat maju jaya kepada mereka. Teruskan dengan pembelajaran sepanjang hayat dan berbaktiilah kepada negara sebaik mungkin. Paling penting jaga sahsiah KUKUM dan keluarga. Ini bermakna mereka telah berjaya mencapai cita-cita untuk menjadi seorang graduan universiti. Tahniah sekali lagi saya ucapan kepada bakal graduan.

# *Daulat Tuanku*



Duli Yang Maha Mulia Tuanku Syed Faizuddin Putra  
Ibni Syed Sirajuddin Jamalullail  
D.K., S.P.M.P  
Canselor

